



# **GARIS PANDUAN KOD ETIKA BERPAKAIAN PARLIMEN MALAYSIA**

# GARIS PANDUAN KOD ETIKA BERPAKAIAN PARLIMEN MALAYSIA



# KATA ALUAN KPPM



*A*ssalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Garis Panduan Kod Etika Berpakaian Parlimen Malaysia ini dapat direalisasikan dan diterjemahkan dalam bentuk buku.

Ekspektasi masyarakat terhadap perkhidmatan kerajaan kian berubah. Masyarakat bukan sahaja mahukan perkhidmatan yang berkualiti, bahkan juga pantas dan mudah diperolehi. Seajar dengan hasrat tersebut, Parlimen Malaysia telah mengambil langkah menyusun satu Garis Panduan Kod Etika Berpakaian Parlimen Malaysia ini bagi memberi panduan dan tatacara etika berpakaian di Kompleks Parlimen Malaysia.

Parlimen Malaysia merupakan salah sebuah institusi yang sentiasa berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan, kementerian, jabatan serta agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Pemilihan pakaian ke pejabat dan semasa menghadiri Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara harus bersesuaian bagi menonjolkan imej profesional, termasuk aspek keterampilan dan tatacara berpakaian. Garis Panduan ini juga adalah terpakai untuk semua pelawat di Kompleks Parlimen Malaysia.

Garis Panduan ini telah dibangunkan selaras dengan Peraturan dan Pekeliling yang berkuatkuasa agar selari dengan aspirasi Kerajaan bagi mencerminkan kredibiliti dan imej individu semasa berada di Kompleks Parlimen Malaysia.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga Parlimen Malaysia dan pelawat dapat menjadikan buku Garis Panduan Etika Berpakaian Parlimen Malaysia ini sebagai rujukan ke arah membentuk budaya berketrampilan bersesuaian dengan Parlimen Malaysia sebagai institusi perundangan tertinggi di Malaysia.

**Datuk Awang Alik bin Jeman**  
**Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia**  
**April 2018**

# ISI KANDUNGAN



Panduan Pakaian Ke Pejabat	..... 1
Panduan Pakaian Bagi Pelawat	..... 16
Panduan Pakaian Di Dalam Dewan Persidangan	..... 18
<i>Do's and Don'ts</i>	..... 19
Tips Tambahan	..... 20
Penutup	..... 21
Takrifan	..... 22
Rujukan	..... 23

**PANDUAN  
PAKAIAN KE  
PEJABAT**

# ASPEK KETRAMPILAN

	LELAKI	WANITA
<b>Rambut</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rambut pendek, disisir kemas dan bergunting rapi (tidak terlalu mengikut fesyen, mencacak, gaya <i>trojan</i>, <i>punk</i>, <i>skinhead</i> atau <i>hippies</i>)</li> <li>• Janggut dan misai digunting rapi</li> <li>• Tidak mewarnakan rambut</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rambut yang disisir/diikat rapi mengikut kesesuaian</li> <li>• Memilih tudung yang sepadan dengan baju yang dipakai (bagi yang bertudung)</li> <li>• Tidak mewarnakan rambut secara berlebihan</li> </ul>
<b>Kuku</b>	Dipotong pendek dan kemas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dipotong pendek dan kemas</li> <li>• Tidak digalakkan menggunakan pewarna kuku yang berwarna terlalu terang / hitam</li> </ul>
<b>Postur Badan</b>	Postur badan yang betul semasa duduk dan berjalan	
<b>Komunikasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa senyum</li> <li>• Memberi salam</li> <li>• Bercakap dengan sopan dan tertib</li> <li>• Saling hormat-menghormati</li> </ul>	

# PAKAIAN

## LOUNGE SUIT

### LELAKI



- Gabungan *2-pieces suit* yang terdiri daripada:
  - Kot
  - Seluar Panjang
- Sut perlu disesuaikan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan
- Pilihan warna sut digalakkan warna hitam atau gelap

### WANITA



- Gabungan *2-pieces/3-pieces suit* yang terdiri daripada:
  - Kot
  - Kemeja
  - Skirt bawah paras lutut/ skirt labuh
  - Seluar panjang
- Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan
- Pilihan warna sut skirt/ seluar panjang digalakkan warna hitam atau gelap

***TWO/ THREE - PIECES SUIT*** BAGI PAKAIAN PEGAWAI WANITA





## KEMEJA DAN TALI LEHER BAGI PEGAWAI LELAKI

### KEMEJA

- Kemeja berkolar dan berlengan panjang
- Hujung lengan baju hendaklah dibutangkan atau memakai *cuff link*
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) dan lengan baju tidak dilipat
- Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna pastel
- Kemeja berjalur/ petak seeloknya disesuaikan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya
- Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, maka kolar harus dibutangkan
- Lebar kolar hendaklah bersesuaian



### TALI LEHER

- Ikatan tali leher yang bersesuaian dan kemas
- Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju
- Jika memakai *lounge suit*, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju
- Jika mengenakan *pocket handkerchief*, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama
- Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian *buckle* tali pinggang
- Corak yang bersesuaian

## PAKAIAN KEBANGSAAN/ TRADISIONAL

### BAJU MELAYU



- Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan, dan berselipar
- Baju Kurung atau Baju Kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak ketat dengan labuh yang sesuai)
- Fesyen Baju Kurung dan Baju Kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang
- Pakaian Sut Punjabi, Cheongsam dan Sari hendaklah bersesuaian dan sopan
- Pakaian Kebangsaan/ Tradisional hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi

### BAJU KURUNG/ KEBAYA



# PAKAIAN KEBANGSAAN/ TRADISIONAL

## SUT PUNJABI



## CHEONGSAM



## SARI



## BAJU BATIK

### LELAKI



- Batik yang dipakai hendaklah batik Malaysia
- Pegawai lelaki digalakkan memakai baju batik berlengan panjang
- Baju batik digalakkan dipakai ke pejabat pada setiap hari Khamis

### WANITA



## KASUT

### LELAKI



- Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya
- Capal boleh dipakai dengan pakaian Baju Melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok
- Digalakkan memakai kasut hitam berkilat dan bertali
- Memakai stokin berwarna hitam atau gelap tanpa corak

### WANITA

- Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya
- Bertutup
- Bertumit (digalakkan 1.5'' – 2.0'')
- Berwarna gelap
- Sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)

## PAKAIAN SERAGAM PEKERJA

### PEMBANTU OPERASI (LELAKI)



- Memakai pakaian seragam dan kasut yang dibekalkan oleh Jabatan
- Baju dipadankan dengan seluar panjang/ skirt labuh/ skirt bawah paras lutut (bagi wanita) berwarna hitam atau gelap
- Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas

### PEMBANTU OPERASI (WANITA)



## PAKAIAN SERAGAM PEKERJA

PEMANDU KENDERAAN



JURUTEKNIK



UNIT TAMAN



## PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA KESELAMATAN

### PAKAIAN SERAGAM PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (KPKK)

#### LELAKI



- Memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh Jabatan selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa
- Pakaian seragam hendaklah dipakai sepanjang menjalankan tugas dengan uniform yang lengkap dengan aksesori
- Pakaian anggota keselamatan hendaklah dipakai mengikut arahan dan kesesuaian tugas

#### WANITA





## PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA KESELAMATAN

### POLIS BANTUAN OPERASI

LELAKI



WANITA



### POLIS BANTUAN *GENERAL DUTY* (GD)

LELAKI



WANITA



## PAKAIAN SERAGAM BENTARA

### BENTARA MESYUARAT



- Memakai pakaian seragam dan kasut yang dibekalkan oleh Jabatan
- Pakaian seragam hendaklah dipakai sepanjang menjalankan tugas di dalam Dewan Persidangan

### BENTARA PARLIMEN

#### LELAKI



#### WANITA



## AKSESORI

	LELAKI	WANITA
<b>Pin Tali Leher</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dipakai selari dengan bahagian tengah saku baju dengan bentuk dan corak yang bersesuaian</li> </ul>	-
<b>Barang Kemas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Haruslah sederhana</li> </ul>	
<b>Jam Tangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memakai yang bersesuaian</li> </ul>	
<b>Tali Pinggang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seelok-eloknya warna tali pinggang dipadankan dengan warna kasut</li> </ul>	
<b><i>Cuff Link</i></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bentuk dan corak yang bersesuaian</li> </ul>	
<b>Wangian/ Semburan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pilih bauan yang lembut supaya ia tidak mengganggu pihak lain</li> </ul>	
<b>Beg Tangan</b>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seelok-eloknya disesuaikan warna beg tangan dengan kasut</li> </ul>
<b>Pin Tudung</b>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sederhana dan bersesuaian</li> </ul>
<b><i>Lanyard</i></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bentuk dan corak yang bersesuaian dan formal</li> </ul>	

# ETIKA

---

Penampilan adalah bentuk citra diri yang terpancar daripada diri seseorang yang dapat dijadikan sebagai sarana komunikasi dengan orang lain. Sehubungan itu, ciri-ciri kualiti dalam tatacara dan etika berpakaian yang sesuai dan menarik adalah salah satu kunci kejayaan dalam bekerja terutama bidang pekerjaan yang selalu berinteraksi dengan masyarakat.

Secara tidak langsung, ini juga mewujudkan warga Parlimen Malaysia yang berketrampilan dan mempunyai imej yang profesional. Malahan, warga Parlimen Malaysia banyak terlibat dengan acara-acara rasmi yang memerlukan penampilan yang segar dan bergaya. Di samping itu, cara berpakaian yang sempurna akan mendapat tanggapan yang positif terhadap seseorang pegawai.

Penampilan imej profesional warga Parlimen Malaysia turut dipengaruhi oleh pematuhan terhadap etika berpakaian yang sesuai secara menyeluruh.

**PANDUAN  
PAKAIAN BAGI  
PELAWAT**

# PAKAIAN

## PELAWAT AWAM/ PELAWAT LUAR/ PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA (IPTA & IPTS) / PELAJAR SEKOLAH / BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

### LELAKI

- *Lounge Suit* dan bertali leher
- Pakaian seragam sekolah/ Baju korporat organisasi
- Kemeja lengan panjang, seluar panjang *slack* (gelap) dan bertali leher
- Baju batik Malaysia
- Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok
- Kasut bertutup dan berstokin

### WANITA

- *Lounge Suit* (2-pieces/ 3-pieces suit)
- Pakaian seragam sekolah/ Baju korporat organisasi
- Kemeja lengan panjang dipadankan dengan seluar panjang (*slack*)/ skirt di bawah paras lutut/ skirt labuh
- Lain-lain pakaian yang kemas dan sopan
- Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional
- Kasut bertutup dan sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)

## WAKIL MEDIA

### LELAKI

- *Lounge Suit* dan bertali leher
- Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional
- Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya yang bertutup (berwarna gelap) dan berstokin (berwarna gelap)

### WANITA

- *Lounge Suit (2-pieces/ 3-pieces suit)* dengan seluar panjang (*slack*)/ skirt di bawah paras lutut/ skirt labuh
- Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional
- Kasut bertutup dan sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)

## PEMBEKAL / PEKERJA KONTRAKTOR

### LELAKI

- Baju korporat organisasi / Pakaian seragam syarikat
- Kemeja/ kemeja-t berkolar/ seluar panjang (*slack* berwarna gelap)
- Baju batik Malaysia
- Kasut bertutup dan berstokin

### WANITA

- Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional/ Baju korporat organisasi/ Kemeja lengan panjang
- Seluar panjang (*slack*)/ skirt di bawah paras lutut/ skirt labuh
- Lain-lain pakaian yang tertib, kemas dan sopan
- Kasut bertutup

**PANDUAN  
PAKAIAN DI  
DALAM DEWAN  
PERSIDANGAN**



# PAKAIAN

KATEGORI	LELAKI/ PEREMPUAN
<b>Pegawai Bertugas</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Lounge Suit</i>/ kemeja lengan panjang/ bertali leher (digalakkan berwarna gelap)</li><li>• Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional yang lengkap</li><li>• Kasut kulit bertutup atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya (berwarna gelap dan berstokin (berwarna gelap))</li></ul>
<b>Pelawat</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Lounge Suit</i> (digalakkan berwarna gelap)</li><li>• Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional yang lengkap</li><li>• Pakaian seragam organisasi/pakaian seragam sekolah</li><li>• Baju korporat organisasi/persatuan</li><li>• Baju batik Malaysia</li><li>• Kasut kulit bertutup atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya (berwarna gelap dan berstokin (berwarna gelap))</li></ul>
<b>Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Lounge Suit</i>/ kemeja lengan panjang/ bertali leher (digalakkan berwarna gelap)</li><li>• Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Tradisional yang lengkap</li><li>• Seluar panjang/ skirt di bawah paras lutut/ skirt labuh (wanita)</li><li>• Kasut kulit bertutup atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya (berwarna gelap dan berstokin (berwarna gelap))</li></ul>

***DO'S AND  
DON'TS***

## DO'S



- Pemakaian pas keselamatan sepanjang berada di Kompleks Parlimen
- Pakaian yang bersesuaian mengikut kategori pelawat
- Memakai stokin gelap yang melepasi buku lali
- Baju kemeja sentiasa dibutang
- Rambut disisir dengan kemas/ bersanggul atau diikat kemas bagi wanita
- Memakai perhiasan dan solekan yang sederhana, minimum dan bersesuaian
- Menyerahkan bag galas, makanan dan minuman, kamera, alat-alat elektronik, alat perhubungan telekomunikasi kepada pegawai bertugas di Pintu 7 sebelum memasuki Blok Utama.
- Tunduk hormat sebelum duduk dan sebelum beredar bagi menghormati Dewan Persidangan.

## DON'TS



- Memakai pakaian yang mencolok mata/ baju tanpa lengan/ *round neck/ turtle neck/* ketat/ seluar *jeans*
- Pemakaian pakaian kebangsaan/ pakaian tradisional yang tidak lengkap
- Baju yang berlogo/ bercetak provokatif dan memakai tali leher yang bercorak kartun/ imaginasi/ofensif
- Pemakaian niqab/ purdah/ pakaian yang menutup muka
- Memakai barang kemas atau barang perhiasan yang berlebihan seperti pemakaian mahkota atau tiara
- Memakai selipar/ *loafer/ sandals/* kasut sukan (bagi semua kategori pelawat KECUALI pekerja kontraktor) dan memakai stokin berwarna terang dan bercorak
- Berkepala botak (kecuali atas sebab genetik, kesihatan atau keagamaan) dan fesyen rambut *skin head* atau *punk head*
- Berbual-bual atau tidur, duduk bersilang kaki dan meletakkan tangan di atas kerusi hadapan semasa di dalam Galeri Awam

**TIPS  
TAMBAHAN**

## TIPS TAMBAHAN

---

- Pemakaian minyak wangi yang tidak keterlaluan
  - Pemakaian kasut yang bersesuaian bagi wanita mengandung, orang kurang upaya dan warga emas
  - Memastikan kasut sentiasa bersih dan berkilat
  - Elakkan pemakaian aksesori yang berbunyi
  - Elakkan pakaian berwarna terang (neon)
  - Memastikan janggut/ jambang/ misai dalam keadaan yang kemas (bagi lelaki)
  - Elakkan rambut berwarna (bagi lelaki)
-

**PENUTUP**

## PENUTUP

*Usaha* murni dalam menjayakan transformasi ketrampilan diri sudah pasti memerlukan komitmen dan sokongan semua. Ini juga selaras dengan agenda transformasi Parlimen Malaysia yang lebih inklusif. Pelaksanaan kepada garis panduan etika berpakaian ini secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa warga Parlimen Malaysia dan masyarakat dapat menerima elemen perubahan yang telah digarap demi memastikan tahap profesionalisme dan kecemerlangan Parlimen Malaysia di persada dunia.

Sesungguhnya ketrampilan diri kita melambangkan budaya bangsa yang bermaruah tinggi. Semoga penghasilan buku Garis Panduan Kod Etika Berpakaian Parlimen Malaysia dapat memberi panduan yang lengkap kepada semua warga Parlimen dan pelawat dalam memahami dan mematuhi etika berpakaian ketika berada di Kompleks Parlimen Malaysia.



## ***TAKRIFAN***

---

***Pelawat***

Pelawat Awam/ Pelawat Luar/ Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA & IPTS)/ Pelajar Sekolah/ Badan Bukan Kerajaan (NGO)/ Wakil Media/ Pembekal dan Kontraktor

***Pakaian Kebangsaan/  
Pakaian Tradisional***

Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok/ Baju Kurung/ Baju Kebaya/ Sari / Cheongsam/ Sut Punjabi

***Dewan Persidangan***

Dewan Rakyat dan Dewan Negara termasuk Galeri Awam



# RUJUKAN

---

1. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
2. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 1985: Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai-pegawai Awam
3. SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2006: Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi
4. SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2008: Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis
5. SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2013: Pemakaian *Two/Three-Pieces Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja
6. ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2015: Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan
7. Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara
8. Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam JPA
9. Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat KPKT
10. *The Red Book*: Garis Panduan Tatacara dan Etika Pemakaian Korporat Warga MAMPU